

Penduduk Kampung Petanak bantah aktiviti korek pasir

MUKAH - Lebih 200 orang terdiri daripada penduduk Kampung Petanak di sini dan sekitarnya menyertai perhimpunan aman bagi membantah aktiviti sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti menyedut pasir di sekitar pantai kampung tersebut baru-baru ini.

Wakil penduduk, Edmund Enu, 65, berkata, mereka sepakat mahu mengusir pihak Syarikat Hock Peng yang menjalankan aktiviti menyedut dan mengambil pasir di sekitar pantai kampung itu sejak tiga bulan lalu.

"Kami mahu mengelak daripada berlakunya haki-



PENDUDUK Kampung Petanak, Mukah mengadakan perhimpunan aman bagi membantah aktiviti menyedut pasir di sekitar pantai kampung tersebut baru-baru ini.

san di pantai di kemudian hari. Kami datang dengan satu suara bahawa kami

tidak mahu sama sekali aktiviti menyedut, mengorek atau memindah-

kan pasir di sini.

"Kesemua kapal dan peralatan berkaitan akti-

viti tersebut mesti dibawa keluar daripada kawasan pantai ini dengan segera," katanya ketika ditemui selepas mengadakan perhimpunan aman bersama kira-kira 100 penduduk di lokasi aktiviti korek pasir di Kampung Petanak di sini baru-baru ini.

Beberapa anggota daripada Ibu Pejabat Polis (IPD) Mukah turut mengawasi perhimpunan tersebut bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini.

Mengulas lanjut, Edmund berkata, penduduk Kampung Petanak tidak pernah membantah sebarang projek pembangu-

nan dilakukan di kampung tersebut sebelum ini.

Katanya, ada dalam kalangan penduduk kampung yang mengorbankan tanah-tanah kebun dan rumah bagi memberi laluan kepada projek pembangunan seperti lapangan terbang, kompleks sukan, sekolah, politeknik dan banyak lagi.

"Jadi, kami harap, pihak berwajib mendengar rintihan. Tindakan segera perlu diambil. Di sinilah punca rezeki kami dan generasi akan datang, kami juga sanggup berjuang dengan apa juga cara supaya ancaman sebegini dihentikan segera," katanya.